

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
(SETIU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.06.2014

Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah impak penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 khususnya kearah kewangan dan perbankan Islam yang lebih mapan dan nyatakan sejauh manakah prestasi terkini pembiayaan mengikut konsep Islam khususnya melalui Musyarakah, Mudharabah, Bai Bitamal Ajil, Ijara Thuma Al Bai dan Murabahah oleh perbankan Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), beberapa inisiatif sedang dijalankan oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM) untuk melaksanakan peraturan di bawah IFSA antara lain ialah:

- i. Dalam usaha meluaskan skop aktiviti pembiayaan Islam, BNM terus memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah. Rangka kerja ini menggariskan prinsip asas Syariah serta panduan bagi amalan berhemat dan tadbir urus yang berkesan bagi setiap kontrak.
- ii. BNM sedang dalam proses mengeluarkan dasar-dasar terperinci bagi setiap kontrak Syariah yang berkaitan. Kertas konsep bagi dasar-dasar tersebut telah diedarkan kepada industri dan maklumbalas yang diterima sedang diteliti dan diambil kira dengan sewajarnya. Dasar-dasar tersebut juga telah dibentangkan kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia untuk diluluskan dan akan dikeluarkan secara berperingkat dari semasa ke semasa.
- iii. IFSA telah menggariskan perbezaan antara produk pelaburan dengan produk deposit perbankan Islam. Ini membenarkan bank-bank Islam

untuk menawarkan produk-produk yang berdaya saing berdasarkan permintaan pasaran dengan mengambil kira ciri-ciri khusus setiap kontrak Syariah yang diterima pakai.

- iv. Di peringkat industri pula, bank-bank Islam perlu meningkatkan kepakaran tenaga kerja dan membangunkan infrastruktur yang diperlukan bagi menyokong pelaksanaan produk-produk tersebut.
- v. Beberapa sesi perbincangan telah diadakan antara BNM dengan industri kewangan Islam bagi membantu dan memudahkan proses peralihan daripada rangka kerja perundangan sedia ada kepada rangka kerja baharu di bawah IFSA di samping mendapatkan maklum balas.

2. Pembiayaan Islam telah mencapai RM370.7 bilion pada tahun 2013 (kadar purata pertumbuhan tahunan sebanyak 21.2% dari tahun 2004 hingga 2013) dengan jumlah bahagian pasaran (*market share*) di Malaysia meningkat kepada 27.5% (berbanding tahun 2012 sebanyak 25.8%). Komposisi pembiayaan mengikut kontrak Islam setakat 31 Mac 2014 adalah seperti berikut:

KONTRAK ISLAM	PERATUSAN
Bai Bithaman Ajil	28.67%

Ijarah Thumma Al Bai	22.12%
Murabahah	20.30%
Musharakah	6.04%
Mudhabarah	0.03%
Lain-lain	22.84%

Sumber :Buletin Statistik Bulanan Mac 2014